

Headline	Forest Skywalk saji pemandangan panorama rimba, ibu kota		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	34	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	532 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,278
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,835



## Forest Skywalk saji pemandangan panorama rimba, ibu kota

**KUALA LUMPUR** - Pernahkah anda terbayang untuk menikmati pemandangan kehijauan rimba ibarat pandangan lensa mata seekor burung yang terbang di udara?

Tambah mempesonakan pada aras ketinggian 141 meter dari aras laut, anda juga boleh menikmati pemandangan panorama Bandaraya Kuala Lumpur termasuk Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur serta Menara Tun Razak Exchange di bawah langit biru yang mengasyikkan.

Pengalaman tersebut boleh dirasai di *Forest Skywalk* atau Jejantas Rimba di Taman Botani Kepong seliaan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang dibuka semula kepada orang ramai sejak 16 Oktober selepas lebih setahun ditutup susulan penularan Covid-19.

Ketua Pengarah FRIM, Dr

Ismail Parlan berkata, selaras dengan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara pihaknya bersedia menerima kedatangan pengunjung bagi mencuba tarikan terbaharu terletak kira-kira 20 kilometer dari pusat bandar itu menerusi tempahan awal secara dalam talian, terhad kepada 160 pengunjung sehari.

"Jejantas ini sempat dibuka kepada orang ramai kira-kira 35 hari selepas pembukaan pada 31 Ogos tahun lepas dan mendapat sambutan memberangsangkan dengan kedatangan lebih 12,000 pengunjung sepanjang tempoh itu.

"Jadi sesuai dengan situasi semasa, kami menambah baik sistem menerusi tempahan awal secara dalam talian bagi mengelakkan kesesakan dan menjaga penjarakan," katanya.

Ismail berkata, jejambat sepanjang 250 meter yang diperbuat daripada aluminium itu



Forest Skywalk atau Jejantas Rimba di Taman Botani Kepong seliaan FRIM telah dibuka semula kepada orang ramai sejak 16 Oktober lepas selepas lebih setahun ditutup susulan penularan COVID-19.

dilengkapi dengan ciri keselamatan yang terjamin dan berstruktur mesra alam.

Jelasnya, Jejantas Rimba yang melibatkan kos RM3.5 juta itu dihubungkan lapan menara dengan ketinggian berbeza iaitu dari 18 meter hingga 50 meter yang turut menawarkan pemandangan tasik dan kehijauan rimba.

Beliau berkata, hanya lima individu dibenarkan berada di jambatan pada satu-satu masa dan pengunjung juga perlu sabar menunggu giliran untuk menaiki tangga secara berperingkat bagi tujuan keselamatan.

"Saya berharap kemudahan ini juga akan membantu meningkatkan lagi kesedaran dan penghayatan masyarakat me-

ngenai kepentingan hutan yang penting dalam mengatasi isu perubahan iklim dan sama-sama menggalas tanggungjawab menjaga alam semula jadi," katanya.

Ismail berkata, orang ramai yang berminat untuk mencuba tarikan itu boleh membuat tempahan awal di laman sesawang FRIM. - *Bernama*



Pada aras ketinggian 141 meter daripada aras laut, anda boleh menikmati pemandangan panorama Bandaraya Kuala Lumpur secara 360 darjah termasuk Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur serta Menara Tun Razak Exchange.



Orang ramai yang berminat untuk mencuba menaiki jejantas ini boleh membuat tempahan awal di laman sesawang FRIM.



Jejambat sepanjang 250 meter yang diperbuat daripada aluminium itu dilengkapi dengan ciri keselamatan yang terjamin dan berstruktur mesra alam.